

SH 22/2/2016 paus mati terdampar di pantai Indonesia

m/8 34

JAKARTA - Sebanyak 46 paus kecil yang terdampar di sebuah pantai di Indonesia gagal diselamatkan selepas segala usaha menyelamatkan hanya dapat dilakukan ke atas tiga yang lain, menurut gabenor wilayah.

Dalam satu kenyataan, pihak berkuasa menyatakan bahawa sejak Khamis lalu, sekurang-kurangnya 49 paus jenis sirip pendek terdampar di pantai di Pulau Madura, Jawa Utara.

Orang ramai berkum-



FOTO: AFP

Orang ramai cuba menyelamatkan paus sirip pendek yang terdampar di Bangkala, Pulau Madura.

pul ketika operasi menyelamatkan dilancarkan, dengan sukarelawan mengguna-

kan kain kanvas atau lainnya dengan tangan masing-masing untuk cuba

menolak ikan paus itu kembali ke laut.

Bagaimanapun, hanya tiga yang terselamat.

Gabenor Jawa Timur, Khofifah Indar Parawansa, dalam satu kenyataan berkata ikan paus yang masih hidup itu perlu dibebaskan bersama kerana mereka hidup dalam satu kumpulan.

Tambahnya, bangkai yang berukuran antara tiga hingga lima meter, akan ditanam menggunakan dua jentera pengorek di pantai ketika air surut. - *Agensi*